

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DAN EFIKASI KENDIRI: KAJIAN KE ATAS PELAJAR UNIVERSITI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali¹

Abstract

This study examines the use of language learning strategies and the significance of self-efficacy in the learning of the Arabic language in universities in Malaysia. In particular, the study sought to analyse the relationship between language learning strategies and self-efficacy. Using questionnaires, data was collected from tertiary institutions in peninsular Malaysia. The population of this study were universities students who enrolled in undergraduate degree programs in Arabic, Islamic Law and Jurisprudence, and Islamic Education. A total of 1,050 questionnaires were sent to seven public higher learning institutions and 436 were returned. The results of this study showed that on average most students practice reading strategies, listening strategies, speaking strategies, and vocabulary learning strategies. The study showed that there is a significant relationship between language learning strategies and student achievement. The study also showed that efficacy has a significant relationship with learning strategies.

Keywords: language learning strategies, self-efficacy, Arabic language

Pendahuluan

Strategi pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi penggunaannya telah mendapat perhatian dalam beberapa tahun kebelakangan ini semenjak ianya diterima secara meluas bahawa pembelajaran merupakan suatu proses dan peranan guru adalah untuk memudahkan proses tersebut. Dalam konteks dunia hari ini, pendidikan tidak hanya tertumpu kepada pemerolehan pengetahuan dan mendapat gred yang baik dalam peperiksaan semata-mata, malah mencakupi usaha ke arah peningkatan potensi diri pelajar untuk mengarahkan pembelajaran mereka sendiri serta berupaya mengatasi cabaran persekitaran pembelajaran. Pada masa sekarang ini, tanggungjawab pembelajaran merupakan tanggungjawab pelajar. Pelajar tidak lagi dilihat sebagai individu yang pasif dengan hanya menerima maklumat, bahkan secara aktif terlibat dalam aktiviti pembelajaran dengan membina perkaitan di antara maklumat yang

dipelajari dengan maklumat sedia ada. Salah satu strategi pembelajaran yang boleh diaplikasikan oleh pelajar ialah pembelajaran pengaturan sendiri. Dalam bidang pembelajaran bahasa, aspek pengaturan sendiri diberi perhatian terutama dalam bidang pemerolehan bahasa kedua.

Semenjak dua dekad yang lalu, para penyelidik (O'Malley dan Chamot 1990; Oxford 1990) cuba mengenalpasti dan mengkategorikan strategi pembelajaran bahasa. Kajian-kajian tersebut menumpukan perhatian ke atas apa yang dilakukan oleh pelajar pengatur sendiri apabila mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Selain itu, tumpuan juga diberikan ke atas peranan afektif dalam mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran. Stevick (1980), menyatakan bahawa kejayaan pembelajaran bahasa bukan disebabkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, teknik dan analisis linguistik, tetapi lebih kepada apa yang berlaku di kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Kefahaman tentang konsep pengaturan sendiri penting bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Pelajar pengaturan sendiri dilihat sebagai individu yang aktif dalam aktiviti pembelajarannya secara metakognitif, motivasi dan tingkahlaku (Zimmerman dan Martinez-Pons 1986).

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar yang mengamalkan pendekatan belajar yang positif, iaitu menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan, cenderung untuk memperoleh hasil pembelajaran yang cemerlang. Pengalaman di atas juga menggambarkan bahawa pelajar ini lebih cenderung untuk mengembangkan potensi diri, belajar dengan inisiatif sendiri serta belajar sepanjang hayat (Artelt 2003). Stipek (1996) dan Brophy (1998) menegaskan bahawa pembelajaran menjadi lebih bermakna jika proses dan tindakan yang dilakukan bermula daripada diri pelajar sendiri, justeru pelajar yang dihasilkan akan lebih bertanggung jawab, berkesan dan lebih '*independent*' dalam melakukan tugas.

Strategi pembelajaran sahaja tidak cukup untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Pelajar seharusnya dimotivasi untuk menggunakan strategi serta mengatur kognisi dan usaha mereka (Paris, Lipson, dan Wixson 1983). Motivasi merupakan sesuatu yang berkaitan dengan kuasa dalaman yang mendorong individu untuk bertindak agar dapat memuaskan keinginan (Amstrong 1995). Kuasa dalaman ini boleh dicetuskan sama ada oleh individu sendiri atau persekitaran. Dalam konteks pembelajaran dan pencapaian akademik, seseorang pelajar perlu mempunyai pandangan tentang kebolehan, kemahiran dan pengetahuan untuk menyempurnakan tugas pembelajaran di samping perlu ada ekspektasi tentang gred yang akan diperolehi berdasarkan tugas tersebut. Justeru itu, individu yang mempunyai motivasi dan efikasi yang tinggi akan membina matlamat yang tinggi (Rohaty Mohd Majzub 1998). Justeru itu kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana persepsi pelajar terhadap penggunaan strategi pembelajaran dan efikasi sendiri mereka dalam mempelajari bahasa Arab.

Sorotan literatur

Strategi pembelajaran

Menurut Weinstein dan Mayer (1986), strategi pembelajaran adalah penglibatan tingkahlaku dan pemikiran pelajar semasa melakukan aktiviti pembelajaran yang seterusnya mempengaruhi proses pengkodan maklumat atau kemahiran ke dalam sistem ingatan. Beliau seterusnya mengelompokkan strategi pembelajaran mengikut fungsinya iaitu strategi kognitif (latihan, penghuraian dan pengorganisasian), strategi metakognitif (pemantauan kefahaman) dan strategi afektif (peningkatan motivasi). Zimmerman dan Martinez-Pons (1990) pula mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai perancangan yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat pembelajaran individu tersebut. Menurutnya, keupayaan merancang memerlukan kecekapan pelajar mengawal pembelajaran sendiri yang menjurus kepada matlamat.

Christensen, Massey dan Isaacs (1992) berpandangan, terdapat dua domain utama yang dikenal pasti berkait rapat dengan strategi pembelajaran iaitu tabiat pembelajaran (*study habit*) dan strategi kognitif. Menurut Christensen et al. (1992), tabiat pembelajaran adalah sebagai tingkahlaku pelajar menguruskan masa, ruang dan sumber untuk manfaat pembelajaran, manakala strategi kognitif pula adalah berkaitan dengan pemprosesan maklumat secara kognitif yang aktif yang mana melibatkan analisis, sintesis dan penyimpanan maklumat dalam ingatan.

Sehubungan dengan itu, Byrnes (1996) menyatakan bahawa strategi pembelajaran adalah berupa set tindakan-tindakan yang dilakukan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Dalam hal ini Byrnes memfokuskan strategi pembelajaran kepada strategi kognitif dan strategi kawalan kognitif. Menurutnya, strategi kognitif adalah melibatkan kemahiran memproses maklumat yang akan membantu pelajar mengingat fakta secara sistematik, mengorganisasi fakta atau konsep menjadi struktur yang jelas dan mudah difahami dan mengintegrasikan pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan sedia serta pengalaman harian. Manakala kawalan kognitif (strategi metakognitif) pula adalah proses-proses seperti membuat keputusan dalam menentukan strategi manakah yang patut digunakan untuk mencapai matlamat, memantau setakat mana pelaksanaan strategi menjurus kepada matlamat yang hendak dicapai, dan juga menilai semula apakah langkah-langkah yang telah digunakan setelah matlamat dicapai.

Manakala dari perspektif teori pemprosesan maklumat, strategi kognitif dan pemantauan kognitif adalah merupakan dua aspek penting dikenal pasti mempengaruhi keberkesanan pembelajaran (Brown et al. 1983; Pressley, Borkowski dan Schneider 1989; Flavell 1999). Goldman dan Warren (1973) dalam Svensson (1976), turut menegaskan bahawa aktiviti kognitif mendiskriminasikan pelajar berprestasi rendah dengan pelajar yang berprestasi tinggi dan signifikan mengikut bidang fizik, biologi, sains sosial dan kemanusiaan. Menurutnya, pencirian aktiviti kognitif berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan seperti *'I like to build on my own previous understanding of the material with the new information presented in class'* dan *'I try to get an intuitive feeling for the new information presented in class'* menunjukkan korelasi positif dengan pencapaian gred purata, sebaliknya refleksi berikut, *'I often memorize material*

without understanding it" pula berkait rapat dengan pencapaian gred purata yang rendah.

Menurut Eggen dan Kauchak (2004), strategi pembelajaran adalah prosedur am yang membantu dalam mengurus pengaliran maklumat baru agar dapat ianya disimpan secara berkesan di dalam ingatan jangka panjang. Strategi-strategi ini membantu pelajar memperoleh kefahaman tentang maklumat baru secara lebih bermakna dan dengan itu maklumat tersebut akan kekal, tersimpan dan dapat dikeluarkan semula apabila diperlukan. Beberapa strategi pembelajaran yang dikenal pasti dapat membantu memproses maklumat dengan lebih bermakna, seperti membuat nota ringkasan, membina peta konsep, merumus, mencipta analogi, mengaplikasikan bantuan mnemonik ataupun kaedah-kaedah lain telah banyak diperkenalkan.

Mayer (2003) turut menjelaskan bahawa strategi pembelajaran adalah merujuk kepada proses-proses kognitif yang dibentuk oleh pelajar semasa pembelajaran untuk tujuan meningkatkan kualiti pembelajaran bersesuaian dengan matlamat pelajar. Strategi kognitif memerlukan kemahiran memproses maklumat yang akan membantu pelajar mengingat fakta secara sistematik, mengorganisasi fakta atau konsep menjadi struktur yang jelas dan mudah difahami dan mengintegrasikan pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan sedia ada serta pengalaman harian. Integrasi maklumat baru dengan maklumat sedia ada juga merupakan teras kepada suatu set tingkah laku yang dikenali sebagai pendekatan pembelajaran secara mendalam (Entwistle dan Ramsden 1983; Biggs 1987) atau strategi pemprosesan mendalam (Nolen 1988).

Menurut Nolen dan Haladyna (1990), kajian-kajian terkini mendapati terdapat tiga jenis strategi yang digunakan dalam pemprosesan mendalam. Pertama ialah elaborasi iaitu membina perkaitan di antara pengetahuan sedia ada dengan maklumat daripada teks. Kedua, ialah pemantauan, iaitu kefahaman dan ingatan yang dibina melalui persoalan-persoalan yang ditimbulkan sendiri, dan ketiga ialah mengorganisasi semula ke dalam rajah, jadual, carta ataupun peta konsep. Dengan cara ini, maklumat-maklumat yang telah distrukturkan akan disimpan dengan baik dalam ingatan dan boleh dikeluarkan semula (Grabowski 1996 dalam Zook 2001).

Vermunt (1992) dalam Mohd Johan (2002) pula mengutarakan konsep pendekatan belajar yang mengandungi empat aspek iaitu strategi memproses, strategi berperaturan, model pembelajaran mental, dan orientasi pembelajaran. Strategi memproses melibatkan aktiviti pelajar berfikir dalam memproses maklumat untuk mencapai suatu keputusan. Strategi peraturan (metakognitif) pula adalah aktiviti pemikiran memantau, merancang dan mengawal proses strategi dan proses belajar sendiri. Model pembelajaran mental adalah ke arah pembentukan konsep atau salah konsep semasa pembelajaran, manakala orientasi pembelajaran adalah meliputi tujuan peribadi, perhatian, harapan, kecewa dan sebagainya yang dilalui sepanjang pengalaman belajar.

Strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa kedua dan telah diberi penekanan oleh para pengkaji (Oxford 1990; Larsen-Freeman dan Long 1991; Cohen 2000; Cook 2001). Sebahagian pendidik berpendapat bahawa

strategi pembelajaran dapat merangsang autonomi pelajar dalam mempelajari bahasa (Holec 1981) dan juga membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam kecekapan berbahasa (Oxford 1990; Green dan Oxford 1995; Bremner 1998). Oleh itu, strategi pembelajaran bukan sahaja membantu pelajar menjadi lebih efisien dan mampu menggunakan bahasa bahkan membantu pelajar belajar secara sendiri. Penyelidikan terdahulu memberi tumpuan kepada hubungan antara penggunaan strategi dan kemampuan berbahasa (Green dan Oxford 1995; Oxford dan Ehrman 1995; Park 1997; Shmais 2003). Kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar yang mahir berbahasa menggunakan lebih strategi dalam pembelajaran belajar berbanding dengan pelajar yang kurang mahir. Sebagai contoh, satu kajian terhadap mahasiswa di Puerto Rico (Green dan Oxford 1995) mendedahkan bahawa pelajar bahasa yang cemerlang lebih kerap menggunakan strategi berbanding dengan pelajar yang kurang cemerlang. Park (1997) meneliti penggunaan strategi belajar mahasiswa Korea dan melaporkan bahawa terhadap hubungan positif antara penggunaan strategi dan kemampuan berbahasa. Kemampuan bahasa ini diukur dengan menggunakan skor TOEFL. Hong-Nam dan Leavell (2006) meneliti menggunakan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan melaporkan bahawa pelajar di peringkat pertengahan menggunakan lebih strategi dari pelajar peringkat permulaan.

Efikasi sendiri

Efikasi sendiri adalah keyakinan individu terhadap keupayaan diri dalam mengatur dan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu tugas. (Bandura 1997) Menurut Eggen dan Kauchak (2004), efikasi sendiri agak berbeza dengan konsep sendiri. Sebagai contohnya, pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang positif terhadap matematik, secara amnya mereka yakin dengan kompetensi mereka dalam matematik. Manakala pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi pula akan memfokuskan kepada pengurusan dan tindakan yang bersesuaian yang diterangkan sebagai situasi motivasi, yakin mereka berupaya mencapai kejayaan, menerima tugas yang mencabar, berusaha lebih gigih, berterusan dalam tempoh yang panjang, menggunakan strategi yang berkesan dan secara umumnya menjana prestasi yang lebih baik. Sebagai contohnya, pelajar yang mempunyai efikasi sendiri matematik yang tinggi, apabila berhadapan dengan siri-siri masalah yang melibatkan persamaan dalam algebra, akan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seterusnya, Bandura (1994) menegaskan bahawa terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi efikasi sendiri pelajar. Pertamanya ialah kesan daripada pengalaman sepanjang pembelajaran dimana kejayaan yang dicapai akan meningkatkan efikasi sendiri. Sebaliknya pengalaman kegagalan yang kerap dalam suatu mata pelajaran akan merendahkan efikasi sendiri terhadap mata pelajaran tersebut. Faktor kedua, iaitu apabila pelajar dijadikan model di kalangan rakan sebaya yang mempunyai kebolehan yang hampir sama, akan menyebabkan pelajar akan merasa lebih '*efficacious*' dan cuba melakukan yang terbaik untuk tugas yang diberikan (Bandura 1986; Kitsantas, Zimmerman dan Cleary 2000). Ketiga, ialah pujian dan kata-kata perangsang, daripada guru juga secara tidak langsung mendorong pelajar untuk terus berusaha walaupun berhadapan tugas yang mencabar dan akhirnya faktor psikologi seperti kelesuan, kekurangan diet akan mengurangkan

efikasi. Keadaan emosi seperti kebimbangan turut mengurangkan efikasi disebabkan pengisian pemikiran tentang kegagalan di dalam memori bekerja.

Eggen dan Kauchak (2004) menyenaraikan pengaruh efikasi sendiri ke atas tingkah laku pelajar dan kognisinya dimana pelajar ini lebih yakin tentang keupayaan dirinya untuk berjaya, mengharapkan kejayaan, dan harapan ini memberi kesan kepada motivasi. Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi lebih bersedia untuk menerima tugas yang mencabar, berusaha lebih gigih, berterusan dalam tempoh yang panjang, lebih tenang walaupun berhadapan dengan kegagalan di peringkat permulaannya, mengamalkan strategi pembelajaran yang berkesan dan secara umumnya menjana prestasi yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah walaupun mereka ini mempunyai kebolehan yang sama. Kajian yang dijalankan oleh Magogwe dan Oliver (2007) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan strategi pembelajaran di kalangan pelajar peringkat pengajian tinggi.

Menurut Eccles, Wigfield dan Schiefele (1998), perbezaan dalam efikasi sendiri di kalangan individu memang wujud dimana kanak-kanak selalunya mempunyai efikasi sendiri yang sangat tinggi dan tidak realistik. Peningkatan umur serta pengalaman dalam pembelajaran menyebabkan efikasi sendiri mereka menjadi lebih realistik. Pelajar menjadi lebih sedar akan keupayaan diri mereka berbanding dengan rakan-rakan sebaya. Kurangnya keyakinan diri akan membawa kepada penurunan efikasi sendiri dan seterusnya memberi kesan negatif terhadap amalan pembelajaran. Oleh itu adalah penting setiap guru memainkan peranan yang berkesan untuk membantu memupuk dan meningkatkan keyakinan dan efikasi sendiri di kalangan pelajar.

Persoalan kajian

Terdapat dua persoalan kajian yang dibahaskan dalam kajian ini.

1. Sejauhmana pelajar mengadaptasi strategi pembelajaran bahasa dan efikasi sendiri?
2. Apakah hubungan antara strategi pembelajaran bahasa dan efikasi sendiri?

Metodologi

Subjek

Data-data dikumpulkan daripada institusi-institusi pengajian tinggi. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar universiti di Semenanjung Malaysia yang mempelajari bahasa Arab samada dari kalangan pelajar yang mengikuti program ijazah sarjanamuda bahasa Arab, Shariah, Usuluddin mahupun Pendidikan Islam. Sebanyak 1050 soalselidik dihantar ke Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia dan hanya 436 soalselidik sahaja dipulangkan. Semua responden di dalam kajian ini telah mempelajari bahasa Arab secara formal selama enam tahun di sekolah menengah. Responden terdiri dari kalangan pelajar semester kedua sehingga semester akhir. Pelajar semester satu tidak termasuk sebagai sampel kajian kerana mereka tidak

mempunyai purata nilai gred kumulatif (PNGK) untuk dijadikan pembolehubah bersandar. Para responden dalam kajian ini terdiri daripada 113 lelaki (25.9%) dan 323 perempuan (74.1%). Daripada 436 responden, 133 orang merupakan pelajar semester kedua, 144 orang semester ketiga, 46 orang semester keempat, 73 orang semester kelima, 20 orang semester keenam dan 20 orang semester ketujuh. Para responden terdiri daripada para pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (34.9%), Universiti Malaya (18.7%), Universiti Darul Iman (16.7%), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (13.5), Universiti Teknologi Malaya (8.9%) dan Universiti Putra Malaysia (6.8%). Pemilihan universiti-universiti ini sebagai sampel kajian kerana ianya mempunyai bidang pengajian Islam dan pengajian bahasa Arab.

Prosedur

Kajian yang dijalankan ini melibatkan beberapa pembolehubah yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab iaitu strategi pembelajaran dan kepercayaan diri. Oleh itu, kajian yang bersesuaian digunakan adalah kajian tinjauan dimana soal selidik digunakan sebagai alat untuk mendapatkan data yang berkaitan tingkah laku, kognitif dan afektif berdasarkan laporan individu itu sendiri tentang apa yang dilakukan, apa yang difikirkan dan apa yang dirasakan (Leary 2001). Kaedah ini juga dipilih berdasarkan kesesuaiannya untuk ditadbirkan ke atas sampel yang besar dan masa yang agak terhad. Jumlah sampel yang besar akan lebih mendekati lagi ciri-ciri sampel yang dikaji dengan ciri-ciri sebenar populasi dan mengukuhkan generalisasi yang bakal dilakukan.

Pengumpulan kajian dilakukan melalui borang soalselidik yang dibina oleh penyelidik sendiri. Soalselidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkenaan dengan latar belakang responden, bahagian kedua berkenaan dengan strategi pembelajaran bahasa dan bahagian ketiga berkenaan dengan kemampuan pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Bahagian pertama soalselidik menggunakan skala nominal iaitu responden hanya perlu menyatakan jantina, tempat pengajian, dan semester pengajian. Bahagian kedua pula menggunakan skala likert. Responden dikehendaki menandakan: (1) tidak pernah, (2) jarang-jarang, (3) kadang-kadang; atau (4) sentiasa. Bahagian ketiga soalselidik juga menggunakan skala likert. Namun ianya agak berlainan dengan skala likert bahagian kedua. Dalam bahagian ketiga ini, responden perlu menyatakan keyakinan mereka daripada 0 hingga 100. Makin tinggi angka menunjukkan responden makin yakin dalam melakukan sesuatu perkara, manakala semakin rendah angka menunjukkan bahawa semakin kurang keyakinan yang dilakukan. Soalan-soalan di dalam kedua-dua bahagian soalselidik ini diklasifikasikan mengikut kumpulan strategi iaitu strategi membaca, strategi mendengar, strategi bercakap dan strategi pembelajaran kosa kata.

Pengumpulan dan analisis data

Soalselidik direkabentuk untuk pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Para responden dibekalkan maklumat yang cukup berkenaan dengan prosedur menjawab soalselidik. Responden juga diberitahu bahawa tiada jawapan betul atau

salah dalam menjawab soalselidik. Kerahsiaan responden adalah terjamin dan tindakbalas responden di dalam menjawab soalselidik ini hanyalah digunakan untuk tujuan kajian semata-mata. Responden juga diingatkan bahawa mereka bebas untuk menjawab atau tidak soalan yang diberi dan penyertaan mereka di dalam menjawab soalselidik ini tidak akan menjejaskan gred markah peperiksaan mereka.

Kajian ini menggunakan analisis kuantitatif. Analisis kuantitatif ini melibatkan kedua-dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Statistik deskriptif yang digunakan akan frekuensi dan ianya digunakan untuk mengira peratus secara keseluruhan. Manakala statistik inferens yang digunakan adalah korelasi pearson untuk menentukan hubungan antara pembolehubah yang dikaji. Ujian korelasi pearson digunakan untuk menguji hubungan di antara gred markah pelajar, efikasi sendiri dan strategi pembelajaran yang diamalkan.

Pengujian data

Pengujian data dibuat untuk memastikan data yang digunakan adalah sesuai dan boleh dipercayai. Antara ujian yang dibuat untuk menguji data kajian ialah ujian pengesahan data menggunakan skala *Cronbach Alpha*. Nilai *Alpha* yang lebih tinggi menunjukkan ketekalan responden dalam menjawab soal selidik (sekaran 2000). Berdasarkan sampel kajian, nilai alpha bagi pembolehubah strategi membaca = .845, strategi mendengar = .898, strategi bercakap = .918 dan strategi penggunaan kosa kata = .838. Manakala nilai alpha bagi keupayaan membaca = .853, keupayaan mendengar = .839, keupayaan bercakap = .930 dan keupayaan menggunakan kosa kata = .912. Semakin hampir nilai *Alpha* dengan 1, semakin tinggi nilai kebolehppercayaan dan konsistensi jawapan yang diberikan oleh responden. Nilai *Alpha* yang diperolehi adalah menghampiri 1. Ini menunjukkan responden memberikan jawapan yang konsisten dan dapat memberi nilai yang berbeza antara pembolehubah.

Hasil kajian

Strategi membaca

Membaca penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam memahami sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, strategi membaca dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama berlaku sebelum proses membaca bermula, fasa kedua berlaku semasa proses sedang membaca, manakala fasa ketiga adalah fasa selepas proses membaca. Dalam fasa sebelum proses membaca, kajian mendapati hampir 74% responden menentukan terlebih dahulu matlamat pembacaan mereka iaitu apakah yang mereka ingin baca. 80% responden menentukan terlebih dahulu aspek maklumat khusus untuk dicari dan kemudian mereka akan menumpukan ke atas maklumat tersebut apabila membaca, 73% pelajar memikirkan apa yang mereka telah ketahui tentang tajuk yang ingin dibaca dan 74% pelajar cuba meramalkan apakah yang dikehendaki dalam tek yang dibaca.

Dalam fasa semasa proses membaca, kajian ini melaporkan bahawa kebanyakan responden menggunakan bahan rujukan untuk membantu mereka menyelesaikan

masalah pembacaan (90%). Lebih 80 peratus pelajar menggunakan kontek seperti perkataan-perkataan yang biasa didengar, gambar-gambar dan kandungan bahan bacaan untuk membantu mereka meneka makna-makna perkataan yang jarang ditemui. Kebanyakan responden juga bekerjasama dengan rakan-rakan untuk menyiapkan tugas atau menyelesaikan masalah kefahaman bacaan (80%). 77% peratus pelajar cuba mengenalpasti apakah yang mereka tidak fahami dalam proses membaca dan cuba menyelesaikan masalah tersebut dan 66 peratus pelajar secara berkala membuat semakan samada bahan bacaan tersebut menarik ataupun tidak. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 54 peratus pelajar membayangkan scenario tentang apa yang mereka baca. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang tidak pernah membuat gambaran tentang sesuatu teks yang dibaca (10%). Sesetengah pelajar cuba menghalusi isi kandungan teks yang dibaca. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hampir separuh pelajar (49%) cuba menghalusi perkataan yang dibaca dan 14 peratus tidak pernah melakukan demikian.

Di dalam fasa selepas membaca, tiga sukuan (75%) pelajar melaporkan bahawa selepas aktiviti membaca, mereka akan menyemak untuk melihat samada ramalan mereka adalah betul dan hampir dua pertiga pelajar merumuskan (dalam bentuk penulisan) maklumat penting yang telah dibaca. Sementara itu, terdapat dua pertiga (68%) pelajar memastikan samada mereka menyempurnakan matlamat pembacaan mereka dan lebih dari satu perempat (30%) yang jarang-jarang melakukannya.

Strategi mendengar

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan aktiviti-aktiviti sebelum proses mendengar, bahagian kedua membincangkan kegiatan semasa mendengar dan bahagian ketiga membahas kegiatan setelah proses mendengar. Pada bahagian pertama, sebahagian besar pelajar (76%) memutuskan terlebih dahulu maklumat khusus untuk mendengar, dan mereka memberi tumpuan kepada mendengar maklumat tersebut. Sejumlah besar daripada pelajar (74%) juga memutuskan terlebih dahulu apa yang mereka telah dengar mereka. Hampir dua pertiga (68%) daripada pelajar berfikir sebelum mendengar apa yang mereka sudah ketahui tentang topik tersebut.

Dalam bahagian kedua, kajian ini melaporkan bahawa pelajar secara umumnya percaya peri pentingnya menggunakan bahan rujukan (seperti kamus, buku, program komputer) untuk membantu mereka meningkatkan kemampuan mendengar. Kajian ini menunjukkan bahawa 83% daripada pelajar menggunakan bahan rujukan untuk membantu menyelesaikan masalah pemahaman mendengar. 79% pelajar menyatakan bahawa mereka mendorong diri mereka sendiri dengan mengatakan kenyataan positif seperti "Saya boleh melakukannya". Pelajar-pelajar ini juga sering melakukan kolaborasi dengan rakan mereka untuk menyelesaikan pemahaman mendengar. Kajian ini mendapati bahawa sekitar 80% dari mereka bekerjasama dengan rakan-rakan sekelas untuk menyelesaikan tugas atau menyelesaikan masalah pemahaman mendengar. Sebahagian besar pelajar (77%) mengenalpasti apa yang mereka tidak faham terhadap apa yang mereka dengar. Penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa tiga perempat pelajar menggunakan konteks untuk membantu mereka meneka makna

perkataan asing yang mereka dengar. Dalam hal imaginasi dan tindakan diluar situasi, kurang dari 60% pelajar menyatakan bahawa mereka membayangkan adegan atau menggambar apa yang mereka dengar dan juga bertindak di luar situasi ketika mereka mendengarnya (misalnya menggunakan benda nyata untuk menggambarkan dan dimasukkan ke dalam konteks).

Pada bahagian ketiga, sebahagian besar pelajar (72%) mengatakan bahawa selepas mendengar, mereka menyemak untuk melihat apakah ramalan mereka benar. 71% pelajar memutuskan samada strategi atau teknik yang mereka gunakan telah membantu mereka memahami dan mereka berfikir strategi lain yang boleh membantu mereka. Sekitar tiga perempat daripada pelajar memerhatikan samada mereka menyelesaikan matlamat mereka untuk aktiviti pendengaran. Walau bagaimanapun, sekitar 26% jarang melakukannya. Dari segi proses merumuskan maklumat, kira-kira 70% daripada pelajar melakukannya. Pelajar-pelajar ini akan meringkaskan maklumat penting yang mereka dengar. 68% pelajar melaporkan bahawa mereka juga mentaksirkan tahap pemahaman mereka dengan merenungkan pada berapa banyak mereka memahami apa yang mereka dengar.

Strategi bertutur

Kemahiran Bertutur merupakan bahagian akhir kemahiran berbahasa. Sebelum proses bertutur, 78% daripada pelajar memutuskan matlamat mereka untuk bercakap dengan berfikir apa yang mereka ingin komunikasi. Ramai pelajar (86%) berfikir terhadap maklumat yang paling penting untuk didengari sehingga mereka boleh memberi tumpuan ke atasnya. 86% daripada pelajar berfikir tentang apa yang mereka ketahui tentang topik dan 80% daripada mereka menggunakan perkataan dan frasa yang boleh mereka gunakan ketika bertutur. Sejumlah besar dari kalangan pelajar (85%) memberi tumpuan pada topik yang mereka tahu bagaimana untuk bertutur dan mereka menggunakan struktur bahasa yang mereka telah terbiasa dengannya.

Pengajaran kemahiran bercakap adalah sama dengan mengajar kemahiran berenang. Pelajar perlu berlatih untuk membiasakan diri dengan bahasa tersebut. Kajian ini mendapati bahawa 74% daripada pelajar berlatih berbicara tentang hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka sendiri dan peribadi mereka. Beberapa pelajar (59%) membayangkan atau membuat gambaran atau situasi yang mereka ingin bicara untuk membantu membimbing mereka ketika mereka sedang berbicara. Beberapa pelajar juga (58%) menggunakan objek sebenar dan meletakkan ke dalam konteks apa yang mereka tuturkan. Sementara itu, hasil kajian menunjukkan sebanyak dua pertiga pelajar (66%) berlatih bercakap bersama rakan-rakan di dalam kelas. Tiga perempat daripada pelajar (75%) menyatakan bahawa sekiranya mereka tidak mengetahui apa yang ingin dituturkan, mereka menggantikan dengan apa yang mereka ketahui dan mereka juga meminta pandangan golongan-golongan pakar (74%). Penggunaan bahan rujukan sangat penting untuk meningkatkan kemahiran bercakap. Kajian ini menunjukkan bahawa lebih daripada 80% pelajar, ketika mereka tidak tahu bagaimana mengatakan sesuatu, mereka mencarinya di dalam bahan rujukan (kamus, buku dll). Setelah proses bertutur, 76% daripada pelajar berfikir samada kata-kata atau frasa mereka gunakan membantu pendengar memahami mereka. Hampir 70% pelajar menganggarkan seberapa baik mereka lakukan dan 70% dari mereka menilai apakah

strategi yang mereka digunakan untuk membantu mereka bercakap, dan mereka fikir strategi lain yang boleh membantu.

Strategi belajar kosa kata

Kosakata adalah peramal pemahaman bacaan yang baik. Kajian ini mendapati bahawa 75% pelajar apabila memikirkan tentang perkataan Arab, mereka akan membuat imaginasi atau melakarkan objek yang menggambarkan perkataan tersebut. Hampir 80% daripada pelajar memastikan mereka mempelajari perkataan yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Sesetengah pelajar suka untuk mencantumkan perkataan-perkataan yang serupa dan yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Kajian ini melaporkan bahawa hampir tiga perempat daripada pelajar (73%) melakukan sedemikian. 68% pelajar memegang atau menunjuk objek yang menggambar perkataan Arab sambil berfikir atau menyebut perkataan tersebut. Hampir tiga perempat (74%) daripada pelajar menyatakan bahawa mereka memikirkan perkataan Melayu yang terdengar seperti perkataan Arab dan mereka memikirkan tentang bagaimana makna tersebut mempunyai perkaitan. Untuk meningkatkan pengetahuan kosa kata, 72% pelajar mencari peraturan struktur yang memberi petunjuk makna perkataan tersebut. Pelajar juga meninjau kata-kata baru dengan rakan-rakan sekelas (68%) dan 71% daripada mereka menguji diri sendiri untuk melihat apakah mereka telah mempelajari perkataan tersebut.

Keupayaan membaca

Kajian ini mendapati bahawa subjek mempunyai efikasi sendiri yang kuat dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Hampir 70% daripada pelajar percaya bahawa mereka boleh membaca teks dalam Bahasa Arab dan mencari erti perkataan atau frasa yang mereka tidak fahami. Lebih dari dua pertiga (68%) pelajar boleh membaca teks dan mengetahui topik utama atau teras serta menjawab sebarang soalan mengenai maklumat yang sangat khusus, namun masih terdapat seperempat agak tidak yakin. Sekitar dua pertiga (66%) daripada pelajar boleh membaca teks dan menceritakan kembali dalam Bahasa Arab apa yang mereka baca. Sedang 16% daripada pelajar sangat yakin bahawa mereka boleh membaca teks dalam bahasa Arab dan menggunakan teks Bahasa Arab untuk menyelesaikan tugas dalam kehidupan nyata, 13% masih tidak yakin tentang itu.

Kemampuan mendengar

Menurut Weiner (1976) dan Schunk (1985), reaksi emosional individu kemungkinan akan dipengaruhi oleh kepercayaan keyakinan sendiri mereka. Dalam kajian ini, hampir separuh bilangan pelajar (47%) yang yakin bahawa mereka boleh mendengar bahasa Arab dan memahami intipati dari apa yang mereka dengar sementara hampir satu perempat (24%) merasa agak tidak yakin. Hanya 2% yang benar-benar yakin dan 8% tidak yakin. Lebih daripada 60% daripada pelajar boleh mendengar bahasa Arab dan memahami secara meluas dan 68% dapat mencari erti kata atau frasa mereka tidak fahami.

Kemampuan bercakap

Hasil kajian menunjukkan 62% pelajar mampu bercakap Arab dan berkomunikasi tentang apa yang ingin mereka katakan. Lebih daripada separuh pelajar (59%) dapat memberikan butiran dan penjelasan kepada orang yang mendengarnya. Sekitar 66% daripada pelajar dapat menyelesaikan masalah komunikasi ketika mereka tidak tahu bagaimana menyatakan sesuatu atau ketika orang yang mendengar tidak mengerti. Lebih dari dua pertiga pelajar (67%) merasakan bahawa mereka mampu bertutur dalam bahasa Arab dan yakin bahawa pendengar dapat memahami bahasa mereka dengan baik dan 57 peratus pelajar mampu menyelesaikan tugas dalam kehidupan mereka.

Kemampuan mempelajari kosa kata

Belajar kosa kata merupakan bahagian paling penting dalam mempelajari bahasa asing. Kajian ini menunjukkan bahawa 43 peratus pelajar yakin bahawa mereka mampu menyenaraikan kosa kata Arab sepertimana mereka memilikinyadi dalam kelas dan belajar makna setiap perkataan tersebut. Hampir 21% daripada pelajar merasa bahawa mereka sangat yakin mempunyai senarai kosa kata dan menggunakan perkataan tersebut dengan betul dalam ayat, walaupun sekitar 27% merasa agak tidak yakin. Lebih dari dua pertiga (70%) pelajar boleh mendengar atau membaca ayat-ayat dengan perkataan tersebut dan memahami erti ayat-ayat tersebut. Hampir 63 peratus daripada pelajar boleh memahami dan menggunakan perkataan tersebut dalam kehidupan harian.

Hubungan di antara efikasi sendiri, strategi pembelajaran bahasa dan prestasi akademik

Jadual 1: Hubungan antara Efikasi Kendiri, Strategi Pembelajaran Bahasa dan Prestasi Akademik

Variabel	SP-B	SP-D	SP-T	SP-KK	EK-B	EK-D	EK-T	EK-KK	PNGK
SP-B	1	.765(**)	.675(**)	.645(**)	.440(**)	.440(**)	.416(**)	.468(**)	.174(**)
SP-D	.765(**)	1	.725(**)	.688(**)	.452(**)	.404(**)	.424(**)	.449(**)	.137(**)
SP-T	.675(**)	.725(**)	1	.745(**)	.441(**)	.406(**)	.462(**)	.468(**)	.096(*)
SP-KK	.645(**)	.688(**)	.745(**)	1	.412(**)	.376(**)	.422(**)	.461(**)	.101(*)
EK-B	.440(**)	.452(**)	.441(**)	.412(**)	1	.798(**)	.786(**)	.767(**)	-.059
EK-D	.440(**)	.404(**)	.406(**)	.376(**)	.798(**)	1	.790(**)	.743(**)	-.083
EK-T	.416(**)	.424(**)	.462(**)	.422(**)	.786(**)	.790(**)	1	.808(**)	-.044
EK-KK	.468(**)	.449(**)	.468(**)	.461(**)	.767(**)	.743(**)	.808(**)	1	.005
PNGK	.174(**)	.137(**)	.096(*)	.101(*)	-.059	-.083	-.044	.005	1

** $p < 0.01$ (2-hujung), * $p < 0.05$ (2-hujung). SP: Strategi Pembelajaran, EK: Efikasi Kendiri, B: Baca, D: Dengar, T: Tutur, K: Kosa Kata

Jadual 1 menunjukkan korelasi matriks sembilan pembolehubah, empat untuk sub-skala strategi pembelajaran, empat untuk sub-skala efikasi sendiri dan satu untuk prestasi akademik. Sepertimana jadual 1, didapati strategi membaca mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan strategi mendengar, strategi bertutur dan strategi belajar kosa kata ($r = .765, .675, .645$). Pelajar yang mempunyai strategi mendengar yang lebih baik, didapati mempunyai strategibertutur dan strategi belajar kosa kata yang lebih baik ($r = .725, .688$). Strategi bertutur didapati mempunyai korelasi yang signifikan dengan strategi kosa kata ($r = .745$).

Efikasi sendiri membaca didapati berkorelasi positif dengan mendengar, bertutur dan kemampuan memiliki kosa kata ($r = .798, .786, .767$ masing-masing). Pelajar yang menggunakan strategi membaca dilihat mempunyai lebih keyakinan diri dalam membaca, mendengar, bercakap dan menggunakan kosa kata. Kajian menunjukkan bahawa strategi membaca adalah mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan keupayaan diri dalam membaca, mendengar, bercakap dan menggunakan perkataan ($r = .440, .440, .416, .468$). Pelajar yang memiliki efikasi sendiri bertutur yang tinggi, lebih kerap menggunakan strategi bertutur ($r = 0,462$). Begitu juga pelajar yang mengadaptasi strategi pemerolehan kosa kata didapati mempunyai efikasi sendiri yang kuat dalam pemerolehan kosa kata ($r = .461, p < 0.01$). Kajian juga menunjukkan bahawa prestasi akademik mempunyai hubungan yang bermakna dengan semua variasi strategi pembelajaran bahasa tetapi tahap signifikan sangat lemah, sedangkan tidak ada korelasi yang signifikan antara prestasi akademik dan kemampuan belajar bahasa. Keputusan kajian menunjukkan bahawa prestasi akademik korelasi positif signifikan dengan strategi membaca (0,174), strategi mendengar (0,137), strategibertutur (0,096) dan strategi menggunakan kosa kata. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa semua pembolehubah strategi belajar mempunyai hubungan positif dengan pembolehubah efikasi sendiri. Nilai dipaparkan untuk lapan pembolehubah adalah antara 0.378 - 0.806, $P < 0.01$. Hal ini menunjukkan bahawa efikasi mahasiswa universiti di Semenanjung Malaysia mempunyai hubungan positif yang kuat dengan strategi pembelajaran bahasa. Hasilnya adalah konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik lain (Chamot et al 1993)

Kesan efikasi sendiri ke atas strategi pembelajaran bahasa

Jadual 2 menunjukkan nilai $r = .539$ dengan nilai $p < 0.001$. Ini menunjukkan pernyataan efikasi sendiri tidak mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa di dalam hipotesis nol berjaya di tolak. Nilai r menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara efikasi sendiri dan strategi pembelajaran bahasa. Bahkan nilai kesignifikan yang kurang dari 0.001 ini menerangkan bahawa kebarangkalian berlakunya korelasi secara tidak sengaja atau secara peluang adalah amat rendah sekali atau mungkin tidak akan berlaku sama sekali. Justeru, dapat disimpulkan bahawa efikasi sendiri mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa.

Jadual 2: Kesan efikasi sendiri ke atas strategi pembelajaran bahasa

	B	F	n	r	r ²	Sig*
Efikasi Kendiri	.291	171.536	422	.539	.290	.000

Malar = 2.084,* p < 0.001 Pembolehubah bersandar : Strategi pembelajaran bahasa

Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa saiz sampel ini (n = 422), skor efikasi sendiri merupakan peramal yang signifikan (F = 171.536, p < 0.001) bagi skor strategi pembelajaran bahasa. Variabel peramal ini menyumbang sebanyak 29 peratus varians dalam variabel kriterion (r² = .290). Ini menunjukkan bahawa 29% strategi pembelajaran disebabkan oleh efikasi sendiri pelajar. Manakala 71% perubahan lain dalam pembolehubah bersandar mungkin disebabkan oleh faktor lain. Ini bererti bahawa variabel peramal efikasi sendiri ($\hat{a} = .291$, p < 0.001) dan kawalan garisan ($\hat{a} = 2.084$, p < 0.001) dapat meramal skor strategi pembelajaran secara signifikan. Keputusan ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mempunyai hubungan baik dengan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa di mana pertaliannya yang kuat dengan r = .539

Perbincangan dan rumusan

Hasil kajian menunjukkan bahawa secara puratanya kebanyakan pelajar (melebihi 60%) mengamalkan strategi membaca, strategi mendengar, strategi bertutur dan strategi belajar kosa kata. Dari segi strategi membaca, didapati para pelajar menetapkan matlamat pembacaan mereka, menggunakan bahan rujukan bagi membantu mereka menyelesaikan masalah dan menyemak samada ramalan mereka betul atau sebaliknya. Dari segi strategi mendengar, sejumlah besar pelajar memutuskan terlebih dahulu maklumat khusus untuk didengar, menggunakan bahan rujukan, dan juga menyemak apakah ramalan yang dibuat itu adalah benar. Dalam strategi bertutur, ramai pelajar berfikir terhadap maklumat yang paling penting untuk didengari sehingga mereka dapat memberi tumpuan ke atas apa yang mereka dengar. Kebanyakan mereka juga menggunakan struktur bahasa yang mereka biasa menggunakannya. Manakala strategi belajar kosa kata pula, kebanyakan pelajar akan memastikan mereka mempelajari perkataan yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara strategi pembelajaran bahasa dan pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun, tiada perkaitan antara efikasi sendiri dan pencapaian pelajar. Kajian juga menunjukkan efikasi sendiri merupakan peramal terbaik dalam menentukan strategi pembelajaran bahasa pelajar. Hasil kajian mendapati efikasi sendiri mempunyai pertalian yang signifikan dengan strategi pembelajaran. Pelajar yang tinggi efikasi sendiri, didapati mempunyai strategi pembelajaran yang baik, sebaliknya pelajar yang rendah efikasi sendiri, akan mempunyai strategi pembelajaran yang lemah. Dapatan ini menyokong teori psikologi sosial yang menyatakan bahawa motivasi merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa (MacIntyre, 1994) dan efikasi sendiri merupakan salah satu

faktor motivasi. Motivasi juga berperanan penting dalam mempengaruhi kekerapan dan jenis strategi pembelajaran bahasa yang digunakan (Nyikos dan Oxford, 1993). Tahap korelasi di antara efikasi sendiri dan strategi pembelajaran bahasa adalah kuat ($r = 0.539$). Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu (lihat Dreyer, 1992; Green dan Oxford, 1995; Taguchi, 2002; Magogwe dan Oliver, 2007).

Dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar didapati kurang terlibat secara aktif untuk membina kefahaman bermakna terhadap suatu maklumat baru yang berupa fakta, konsep dan pengetahuan prosedural. Oleh itu pelajar perlu dibantu menggunakan strategi-strategi pembelajaran yang dapat membantu pengaliran maklumat baru secara berkesan ke dalam ingatan jangka panjang. Pelajar perlu didedahkan dan sentiasa digalakkan memproses maklumat yang diterima menggunakan strategi elaborasi iaitu membina perkaitan dengan pengetahuan sedia ada daripada mata pelajaran yang sama atau merentasi disiplin ilmu. Pelajar perlu mengorganisasi maklumat yang diperolehi secara terpisah samada dalam bentuk jadual, rajah, carta ataupun peta konsep serta mengintegrasikan maklumat yang dipelajari dengan pengalaman harian pelajar. Dalam hal ini guru perlu mendedahkan pelbagai strategi yang telah dibuktikan keberkesanannya seperti merumus, membina peta konsep, mencipta analogi dan juga mengaplikasi bantuan mnemonik untuk mengekalkan ingatan.

Guru memainkan peranan penting serta memberi kesan yang signifikan ke atas peningkatan motivasi pembelajaran dan kepercayaan diri mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab. Guru perlu mewujudkan interaksi bercorak autoritatif, menunjukkan sifat penyayang dan mengambil berat terhadap semua pelajar pelbagai tahap pencapaian. Guru perlu menyediakan tugas-tugas yang mencabar serta memberikan bimbingan sehingga mereka dapat lakukan dengan jayanya. Pengredan terhadap tugas perlulah bercirikan ke arah meningkatkan kompetensi diri di kalangan pelajar, bukannya mewujudkan persaingan di antara individu.

Pelajar kurang membina perkaitan di antara pengetahuan isi kandungan dan pengalaman harian menjadikan maklumat tersebut sebagai abstrak, tidak penting kerana tidak digunakan dalam kehidupan harian, sukar dan membosankan. Oleh itu para pensyarah diharapkan dapat menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar yang menekankan kepada perkaitan di antara isi kandungan kurikulum bahasa Arab dengan aplikasinya dalam kehidupan harian ataupun penghasilan teknologi.

Para guru dan pensyarah harus berusaha dengan mempelbagaikan teknik dan gaya pengajaran supaya pelajar mempunyai semangat dengan mata pelajaran yang diajar. Kepelbagaian teknik pengajaran yang mampu menghidupkan suasana bilik darjah akan memberi dorongan kepada pelajar untuk belajar.

Para guru dan pensyarah seharusnya mengajar teknik pembelajaran sendiri kepada pelajar supaya mereka mampu mengharungi zaman teknologi ini. Para pelajar dizaman ini tidak lagi dilihat sebagai individu dan pasif, tetapi proaktif dalam mencari maklumat. Oleh itu, mereka sepatutnya didedahkan dengan teknik sendiri supaya mampu mencari dan memahami maklumat secara sendiri pada waktu ketiadaan guru.

Dasar pendidikan negara adalah melahirkan para ilmuwan. Para pelajar seharusnya ditekankan supaya mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan mendalam. Kaedah pembelajaran secara mendalam membantu pelajar memahami pelajaran yang dipelajari. Dengan teknik pembelajaran mendalam, para pelajar tidak akan merasa tertekan dengan peperiksaan yang bakal dihadapi.

Perbincangan berkenaan dengan motivasi dan strategi pembelajaran pengaturan sendiri pelajar perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat iaitu para pendidik. Ini kerana walaupun banyak hasil kajian menyokong kepentingan proses pengaturan sendiri, sebahagian guru masih lagi menyediakan pelajar belajar dengan cara mereka sendiri. Para pelajar jarang diberi pilihan berkenaan tugas akademik untuk dilaksanakan, kaedah untuk melaksanakan tugas yang kompleks atau rakan belajar. Hanya sebahagian kecil guru yang menggalakkan pelajar membina matlamat-matlamat tertentu atau mengajarkan mereka strategi-strategi pembelajaran. Para pelajar jarang diminta untuk menilai sendiri kerja mereka atau menganggarkan kecekapan mereka ke atas tugas baru. Para guru juga jarang menilai kepercayaan pelajar terhadap pembelajaran seperti efikasi sendiri atau ciri-ciri sebab-akibat untuk mengenalpasti kesukaran berkaitan motivasi dan kognisi. Setiap proses pengaturan sendiri seperti latihan, penetapan matlamat dan penilaian sendiri boleh dipelajari daripada ibubapa, guru, dan rakan sebaya. Sebenarnya pelajar pengaturan sendiri mencari pertolongan daripada pihak lain untuk memperbaiki strategi pembelajaran mereka. Pengaturan sendiri bukanlah bermaksud kebergantungan pelajar ke atas kaedah pembelajaran, tetapi inisiatif sendiri, ketabahan dan kemahiran tersendiri. Pelajar pengaturan sendiri menumpukan perhatian ke atas bagaimana mereka menggiatkan, mengubah, dan mempertahankan amalan pembelajaran tertentu dalam konteks sosial dan juga bersendirian. Pengajaran proses pengaturan sendiri adalah penting terutama di dalam era di mana aktiviti pembelajaran semakin lenyap.

Rujukan

- Amstrong, M 1995, *A handbook of Personnel Management Practice*, (Ed. Ke-5), London, Kojan Page Limited.
- Bandura, A 1986, *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*, New York, Teachers College Press.
- Bandura, A 1994, 'Self-efficacy', dalam Ramachaudran VS (pnyt), *Encyclopedia of human behavior*, New York, Academic Press.
- Bandura, A 1997, 'Exercise of personal and collective efficacy in changing societies', dalam Bandura, A (pnyt), *Self-efficacy in changing societies*, Cambridge, Cambridge University Press.
- Biggs, JB 1987, 'Student approaches to learning and studying', Hawthorn, Victoria, Australian Council for Educational Research.

- Bremner, S 1999, 'Language Learning Strategies and Language Proficiency: Investigating the Relationship in Hong Kong', *Canadian Modern Language Review*, vol. 55, no. 4, hlm. 490-514.
- Brophy, J 1998, *Motivating students to learn*, Boston, McGraw-Hill.
- Brown, AL, Bransford, JD, Ferrara, RA dan Campione, JC 1983, 'Learning, remembering and understanding', dalam Flavell, JH dan Markman, EM (pnyt), *Handbook of Child Psychology: Cognitive Development*, vol. 3, hlm. 263-340, New York, Wiley.
- Byrnes, J P 1996, *Cognitive Development and Learning in Instructional Contexts*, Allyn and Bacon, Boston.
- Chamot, AU, Robbins, J, El-Dinary, PB, Omori, M, Shudo, S, dan Yuasa, F 1993, 'Learning strategies in Japanese foreign language instruction', ERIC Document Reproduction Service No. ED, 370, 346.
- Christensen, CA, Massey, DR, dan Isaacs, PJ 1994, 'Cognitive strategy and study habits: analysis of the measurement of tertiary students' learning', *British Journal of Educational Psychology*, vol. 61, hlm. 290-299.
- Cohen, AD 2000, 'Strategies-based instruction for learners of a second language', *NASSP Bulletin*, hlm. 10-18.
- Cook, V 2001, *Second Language Learning and Language Teaching* (Ed. ke-3), Arnold, London.
- Dreyer, C 1992, *Learner Variables as Predictors of ESL Proficiency*, South Africa, Potchefstroom University.
- Eccles, J, Wigfield, A, dan Schiefele, U 1998, 'Motivation to succeed', dalam Eisenberg, N (pnyt), *Handbook of child psychology: Social, emotional and personality development* (Ed. Ke-5), New York, Wiley.
- Eggen, P dan Kauchak, D 2004, *Educational psychology: Windows on classrooms*, New Jersey, Pearson Education Inc.
- Entwistle, NJ dan Ramsden, P 1982, *Understanding Student Learning*, London, Croom Helm Ltd.
- Flavell, JH 1979, 'Metacognition and cognitive monitoring', *American psychologist*, vol. 34, hlm. 906-911.
- Green, J, dan Oxford, RL 1995, 'A closer look at learning strategies, L2 proficiency and gender', *TESOL Quarterly*, vol. 29, no. 2, hlm. 261-297.

- Holec, H 1981, *Autonomy and Foreign Language Learning*, Oxford, Pergamon Press.
- Hong-Nam, K, dan Leavell, AG 2006, Language learning strategy use of ESL students in an intensive English learning context, *System*, vol. 34, no. 3, hlm. 399-415.
- Kitsantas, A, Zimmerman, BJ dan Clearly, T 2000, 'The role of observation and emulation in the development of athletic self-regulation', *Journal of Educational Psychology*, vol. 92, no. 4, hlm. 811-817.
- Larsen-Freeman, D, dan Long, M 1991, *An Introduction to Second Language Acquisition Research*, London, Longman.
- Leary 2001, *Introduction to behavioral research methods* (Ed. Ke-3), Needham Heights, MA, Allyn and Bacon.
- MacIntyre, PD dan Gardner, RC 1994, 'The effects of induced anxiety on three stages of cognitive processing in computerized vocabulary learning', *Studies in Second Language Acquisition*, vol. 16, no. 1, hlm. 1-17.
- MacIntyre, PD dan Noels, KA 1996, 'Using social-psychological variables to predict the use of language learning strategies', *Foreign Language Annals*, vol. 29, no. 3, hlm. 373-386.
- Magogwe, JM dan Oliver, R 2007, 'The relationship between language learning strategies, proficiency, age and self-efficacy beliefs: A study of language learners in Botswana', *System*, vol. 35, no. 3, hlm. 338-352.
- Mayer, RE 2003, *Learning and instruction*, New Jersey, Pearson Education Inc.
- Nolen, SB 1988, 'Reasons for studying: Motivational orientations and study strategies', *Cognition and Instruction*, vol. 5, no. 4, hlm. 269-287.
- Nolen, SB, dan Haladyna, TM 1990, 'Motivation and studying in high school science', *Journal of Research in Science Teaching*, vol. 27, no. 2, hlm. 115-126.
- Nyikos, M, dan Oxford, R 1993, 'A factor analytic study of language-learning strategy use: Interpretations from information-processing theory and social psychology', *The Modern Language Journal*, vol. 77, no. 1, hlm. 11-22.
- O'Malley, JM, dan Chamot, AU 1990, 'Learning Strategies in Second Language Acquisition', Cambridge, Cambridge University Press.
- Oxford, RL 1990, *Language Learning Strategy: What Every Teacher Should Know*, New York, Newbury House.
- Oxford, RL, dan Ehrman, M 1995, 'Adult's language learning strategies in an intensive foreign program in the United States', *System*, vol. 23, no. 3, hlm. 359-386.

- Paris, SG, Lipson, MY dan Wixson, K 1983, 'Becoming a strategic reader', *Contemporary Educational Research*, vol. 8, hlm. 293-316.
- Park, GP 1997, 'Language learning strategies and English proficiency in Korean University', *Foreign Language Annals*, vol. 30, no. 2, hlm. 211-221.
- Pressley, M, Borkowski, JG dan Schneider, W 1987, 'Cognitive strategies: Good strategy users coordinate metacognition and knowledge', dalam Vasta, R dan Whitehurst G(pnyt), *Annals of child development*, vol. 5, hlm. 89-129, Greenwich, JAI.
- Zimmerman, BJ dan Martinez-Pons, M 1986, 'Development of a structured interview for assessing students' use of self-regulated learning strategies', *American Educational Research Journal*, vol. 23, hlm. 617-628.
- Zimmerman, BJ dan Martinez-Pons, M 1990, 'Student differences in self-regulated learning, Relating grade, sex and giftedness to self-efficacy and strategy use', *Journal of Educational Psychology*, vol. 82, hlm. 51-59.

Endnotes

- ¹ Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali adalah pensyarah di Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bahru.